

MAJLIS PERASMIAN KEMBARA KEBAJIKAN 1MALAYSIA FAMILY CARE

05/04/2014

KOMPLEKS BELIA DAN SUKAN PAGOH, JOHOR

BISMILLAHHIRRAHMANNIR RAHIM

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Sejahtera Dan Salam 1 Malaysia

Yang Berusaha Pengacara Majlis.

YAB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin,
Menteri Besar Johor;

YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim,
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat;

YB Datuk Hajah Azizah Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun,
Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat;

YB Menteri-Menteri Kabinet,

YBhg. Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa,
Ketua Setiausaha Negara;

YBhg. Dato' Sri Dr. Noorul Ainur binti Mohd Nur,
Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan
Masyarakat;

YBhg. Datuk Farida binti Mohd Ali,
Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia;

YBhg. Dif-dif Kenamaan,

Wakil-wakil Korporat, Penaja-penaja, para media, pemimpin-pemimpin
masyarakat, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat kita bersama-sama hadir dalam Majlis Pelancaran Kembara Kebajikan 1 Malaysia Family Care yang akan diadakan bermula pada hari ini sehingga 26 April 2014.
2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat atas kesudian mengundang saya untuk merasmikan Pelancaran Kembara Kebajikan 1Malaysia Family Care peringkat Kebangsaan di Parlimen Pagoh pada hari ini.
3. Program Kembara Kebajikan 1Malaysia Family Care melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merupakan inisiatif yang bertepatan dengan hasrat kerajaan untuk memantapkan lagi semangat kesukarelaan yang sedia ada di kalangan rakyat Malaysia. Ia merupakan salah satu mekanisme dalam memberi khidmat kepada golongan yang memerlukan samada bantuan dari segi kewangan ataupun sosial secara sukarela.
4. Program kesukarelaan yang melibatkan ahli komuniti sebagai sukarelawan diwujudkan sejajar dengan strategi yang telah ditetapkan dalam Dasar Kebajikan Malaysia yang memberi penekanan kepada membina dan memupuk semangat tolong-menolong, saling bantu membantu ke arah masyarakat yang mengamalkan Budaya Ikram serta mewujudkan Masyarakat Penyayang di kalangan rakyat Malaysia.
5. Penglibatan masyarakat umum secara menyeluruh bersama-sama Kerajaan dalam kerja-kerja kebajikan amat penting dan perlu digalakkan seperti yang ditekankan dalam konsep “Kebajikan Adalah Tanggungjawab Bersama”. Program kesukarelaan dilihat sebagai satu mekanisme bagi memupuk semangat kesukarelaan di kalangan anggota masyarakat. 1Malaysia Family Care ini merupakan salah satu inisiatif kerajaan di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) ke – 7 melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP). Pendekatan NBOS mampu menguruskan organisasi secara kreatif dan inovatif serta memberi kesan yang maksima kepada masyarakat serta memberi kepuasan kepada pelanggan dan ‘stakeholder’.
6. Kita kini berada di tahun 2014, dalam tempoh 6 tahun lagi negara kita akan mencapai tahun 2020. Salah satu matlamat Wawasan 2020 ialah mewujudkan masyarakat penyayang. Di sini bermaksud, Malaysia akan menjadi negara maju dan kemajuan yang dimaksudkan bukan terhad kepada bidang ekonomi sahaja malah ia akan merangkumi segala aspek kehidupan iaitu ekonomi, politik,

sosial, kerohanian, kejiwaan dan kebudayaan.

7. Sehubungan dengan itu, program kesukarelaan perlu digerakkan dan perlu digembleng secara bersepadu dengan lebih mantap menggunakan pendekatan NBOS supaya golongan yang memerlukan bantuan sokongan samada dalam bentuk kewangan atau sosial mendapat manfaat daripada program kesukarelaan yang dijalankan berterusan dengan kerjasama pelbagai pihak.

8. Oleh itu, pemantapan sistem sokongan dan perkhidmatan sosial, pembangunan sosial dan tanggungjawab sosial korporat (CSR) di bawah Agenda Transformasi Sosial yang telah dimulakan oleh kerajaan adalah amat penting untuk menjayakan misi negara ini. Dalam Rancangan Malaysia ke 10 (2011-2015), rakyat Malaysia perlu bersatu padu dan mempunyai iltizam yang teguh bagi melaksanakan tanggungjawab yang murni untuk menjayakan pelan transformasi ke arah negara berpendapatan tinggi dan maju, berdaya tahan dan berdaya saing, demi untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat Malaysia.

9. Di bawah Teras Strategik Ketiga : Pembangunan Sosio-Ekonomi Secara Inklusif, sesungguhnya, inclusiveness merupakan pra-syarat bagi memastikan setiap rakyat dapat menikmati kemakmuran hasil pembangunan negara. Pendekatan ini akan menjamin keadilan sosial kepada golongan yang benar-benar memerlukan bantuan dan tidak akan ada sesiapa pun yang berasa terpinggir dan akan dapat menikmati kemakmuran hasil pembangunan negara. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan akan terus mengambil langkah-langkah yang perlu bagi memastikan masa depan yang lebih baik untuk semua rakyat Malaysia dan usaha ini diteruskan dalam RMK 11 (2016-2020).

10. Saya percaya program Kembara Kebajikan 1Malaysia Family Care merupakan salah satu cara kita dapat menyemarakkan semangat kesukarelaan di kalangan anggota masyarakat yang prihatin serta bersedia secara sukarela untuk terlibat dalam kerja kebajikan untuk memastikan kesejahteraan golongan yang memerlukan.

11. Saya difahamkan bahawa penumpuan utama Kembara Kebajikan 1Malaysia Family Care ini khususnya kepada program khidmat bantu di rumah untuk warga emas dan OKU serta program Jejak PRISMA (Psikologi Rakyat 1Malaysia). Ini merupakan inisiatif yang amat baik dalam usaha kita membendung masalah sosial yang semakin menular di Negara kita.

12. Berdasarkan Statistik Penerima Bantuan di JKM sehingga November 2013,

terdapat 491,437 orang penerima bantuan. Daripada keseluruhan jumlah tersebut, seramai 178,604 orang penerima Bantuan Orang Tua (BOT) dan Bantuan Pesakit Terlantar (BPT) yang dikenalpasti sebagai peserta yang boleh dibantu dalam program khidmat Bantu di Rumah.

13. Oleh itu, adalah menjadi harapan saya dengan terlaksananya Kembara Kebajikan 1Malaysia Family Care yang melibatkan para sukarelawan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan, Badan-badan Bukan Kerajaan dan juga sukarelawan 1M4U akan bersama-sama turut serta turun padang dan mengunjungi rumah penerima BOT dan BPT di setiap kawasan parlimen dan sekiranya layak, maka mereka akan dibantu melalui program khidmat bantu di rumah dan sekaligus meningkatkan bilangan warga emas dan OKU yang mendapat manfaat daripada program ini. Ia merupakan persediaan menjelang tahun 2030, di mana 15% penduduk Malaysia merupakan warga emas.

14. Disamping memperhebatkan perkhidmatan kepada warga emas melalui khidmat sukarela, Kerajaan turut menyediakan beberapa kemudahan lain kepada warga emas. Antara perkhidmatan yang telah diberikan kerajaan dalam memastikan kesejahteraan warga emas adalah seperti Skim Bantuan Orang Tua sebanyak RM 455 juta yang telah diberi kepada 150,354 orang warga emas, pengecualian caj pendaftaran pesakit luar (sebanyak RM1) di semua hospital dan klinik Kerajaan diberikan kepada warga emas mulai 1 Januari 2012.

15. Bagi perkhidmatan penjagaan dan perlindungan kepada warga emas pula, sebanyak 45 buah Pusat Aktiviti Warga Emas telah diwujudkan kerajaan untuk warga emas menjalani aktiviti rekreasi, kerohanian, penjagaan kesihatan, latihan kemahiran dan khidmat sukarela terutama bagi mereka yang tinggal bersendirian semasa ahli keluarga tiada di rumah atau keluar bekerja. Seramai 20,990 warga emas telah mendapat kemudahan di Pusat Aktiviti Warga Emas ini semenjak ia ditubuhkan.

16. Kerajaan juga menyediakan 11 buah institusi warga emas bagi perlindungan dan jagaan mereka yang kurang bernasib baik iaitu Rumah Ehsan dan Rumah Sri Kenangan. Kerajaan melalui Kementerian dan agensi berkaitan turut memantau secara berkala 212 institusi jagaan bukan kerajaan yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

17. Selain warga emas, Orang Kelainan Upaya (OKU) juga turut diberi perhatian

dalam program ini. Pihak kerajaan telah menyediakan pelbagai perkhidmatan dan kemudahan asas kepada OKU seperti: • Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menyediakan pelbagai jenis bantuan bagi OKU. Dari 491,437 orang penerima bantuan (Nov, 2013) dengan jumlah bantuan RM1,316,273,773.00, RM 300 juta diberi kepada 92,828 orang OKU melalui Skim Bantuan OKU. Kementerian Kesihatan menyediakan perkhidmatan kesihatan dan rawatan rehabilitasi. Kementerian Pelajaran pula menyediakan perkhidmatan pendidikan khas. Kementerian Pengajian Tinggi pula menyediakan bantuan kewangan bagi mereka yang ingin melanjutkan pelajaran.

18. Selain itu, terdapat pelbagai kemudahan lain OKU yang berdaftar di sediakan oleh pelbagai Jabatan kerajaan dan swasta contohnya potongan harga bagi kemudahan pengangkutan, talian telefon, perumahan dan sebagainya. Pemberian skim bantuan yang diwujudkan adalah sebagai kaedah dalam proses membantu mereka ke arah pemulihan serta turut sama merasai nikmat pembangunan negara.

19. Dengan penganjuran Kembara Kebajikan 1Malaysia Family Care ini adalah menjadi harapan agar semua pihak turut mengemblem tenaga dan bersama-sama memainkan peranan untuk bergiat aktif dalam kerja sukarela terutama di kalangan komuniti itu sendiri. Perkongsian pintar yang diwujudkan antara Kerajaan, badan-badan bukan kerajaan dan pihak korporat merupakan satu platform yang efektif untuk memantapkan proses membudayakan kesukarelaan.

20. Ini adalah kerana pembangunan dan kebajikan masyarakat tidak lagi boleh dilihat sebagai tanggungjawab kerajaan semata-mata sebaliknya ia adalah tanggungjawab bersama melalui jalinan kerjasama dalam pelbagai agenda pembangunan untuk kesejahteraan masyarakat yang amat dititik beratkan dalam kalangan anggota masyarakat selain memperbanyakkan lagi aktiviti kebajikan melalui pendekatan pendampingan sosial dalam kalangan masyarakat.

21. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di atas inisiatif melaksanakan program turun padang dan berdamping dengan golongan yang memerlukan bantuan. Tahniah juga kepada semua Kementerian, agensi Kerajaan dan juga sektor korporat yang sama-sama berganding bahu menyediakan sumbangan untuk merealisasikan matlamat utama kembara ini.

22. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan sukacitanya merasmikan “Kembara Kebajikan 1Malaysia Family Care’.

Sekian. Terima kasih.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.